

Aktiviti 2a

Baca teks, kemudian lengkapkan maklumat.

Enaknya Selera Utara

Pada hari minggu yang lalu, keluarga Suraya mengadakan jamuan. Mereka mengundang jiran-jiran.

Pada hari tersebut, ibu Suraya memasak makanan. Beliau memasak nasi putih, gulai daging, ikan pekasam goreng dan kerabu umbut kelapa.

Nenek Suraya menyediakan pencuci mulut. Beliau menyediakan pulut mangga, agar-agar dan kuih bunga pudak. Keluarga Suraya selalu menyediakan masakan ini untuk sesuatu majlis.

Para tetamu makan dengan penuh berselera pada hari itu.

makanan

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

pencuci mulut

1. _____
2. _____
3. _____



: Minta murid membaca dan memahami teks.
: Minta murid menyatakan idea keseluruhan.

